



JABATAN PENGAJIAN TINGGI
BAHAGIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN AKADEMIK

ARAS 4, NO. 2, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5,
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Tel : (603) 8870 6541 Faks : (603) 8870 6850 Web : <http://jpt.mohe.gov.my>



Ruj. Kami : JPT(A)1000/001/013/05 (17)
Tarikh : 27 Mac 2012

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr.,

**SURAT MAKLUMAN BERKENAAN DASAR JAMINAN KUALITI
YANG DIPUTUSKAN MELALUI MESYUARAT KAJIAN SEMULA
DASAR-DASAR BERKAITAN JAMINAN KUALITI BIL 1/2011 –
3/2011**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa hasil daripada beberapa siri Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Jaminan Kualiti yang diadakan antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada tahun 2011. Sehubungan itu, mesyuarat telah bersetuju dan memutuskan beberapa dasar yang berkaitan dengan jaminan kualiti.

3. Sehubungan dengan itu, dikemukakan perincian mengenai dasar-dasar tersebut untuk perhatian dan tindakan YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan selanjutnya. Untuk makluman, ketetapan dasar ini berkuat kuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan. Diharap usaha bersepadu semua pihak dapat dipertingkatkan dalam usaha kita menyediakan ruang dan peluang pendidikan tinggi yang berkualiti kepada semua.

4. Keprihatinan dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr. mengenai perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi

s.k. :

KP JPT

TKP (A)

P (BPPA)

SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Ghauth bin Jasmon

Naib Canselor

Universiti Malaya

Lembah Pantai

50603 KUALA LUMPUR

No. Tel. : 03-7967 3510

No. Faks. : 03-7954 7551

YBhg. Dato' Prof. Dr. Omar bin Osman

Naib Canselor

Universiti Sains Malaysia

Bangunan Canselori

11800 PULAU PINANG

No. Tel. : 04-653 3101

No. Faks. : 04-656 5401 / 6566699

YBhg. Tan Sri Dato' Wira Prof. Dr. Sharifah Hapsah binti

Syed Hasan Shahabudin

Naib Canselor

Universiti Kebangsaan Malaysia

Aras 6, Bangunan Canselori

43600 Bangi

SELANGOR

No. Tel. : 03-8921 5001

No. Faks. : 03-8921 4242

YBhg. Dato' Ir. Dr. Radin Umar bin Radin Sohadi

Naib Canselor

Universiti Putra Malaysia

43400 Serdang

SELANGOR

No. Tel. : 03-8948 6888

No. Faks. : 03-8948 3244

YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Zaini bin Ujang

Naib Canselor

Universiti Teknologi Malaysia

Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim

81310 Skudai

JOHOR

No. Tel. : 07-557 5960

No. Faks. : 07-557 9376

YBhg. Dato' Prof. Dr. Zaleha binti Kamaruddin

Rektor

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Aras 4, Bangunan Rektor

Kampus Gombak

53100 SELANGOR

No. Tel. : 03-6196 4002

No. Faks. : 03-6196 4858

YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak

Naib Canselor

Universiti Utara Malaysia

Aras 5, Bangunan Canselori

06010 Sintok

KEDAH

No. Tel. : 04-928 3001

No. Faks. : 04-928 3180

YBhg. Datuk Prof. Dr. Khairuddin bin Ab. Hamid

Naib Canselor

Universiti Malaysia Sarawak

Penthouse, Bangunan CAUH Kampus Barat

94300 Kota Samarahan

SARAWAK

No. Tel. : 082-58 1112

No. Faks. : 082-66 5111

YBhg. Brig. Jen. Datuk Seri Panglima Prof. Dr. Kamaruzaman bin Hj. Ampon

Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu

SABAH

No. Tel. : 088-32 0203

No. Faks. : 088-32 0217

YBhg. Dato' Prof. Dr. Zakaria bin Kasa

Naib Canselor
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim

PERAK

No. Tel. : 05-459 6200

No. Faks. : 05-458 2773

YBhg. Dato' Prof. Dr. Muhamad bin Muda

Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai

NEGERI SEMBILAN

No. Tel. : 06-798 8013

No. Faks. : 06-794 1143

YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar

Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA
Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
40450 Shah Alam

SELANGOR

No. Tel. : 03-5544 2222

No. Faks. : 03-5544 2030

YBhg. Dato' Prof. Dr. Aziz bin Deraman

Naib Canselor

Universiti Malaysia Terengganu

21030 Kuala Terengganu

TERENGGANU.

No. Tel. : 09-668 4102

No. Faks. : 09-669 7418

YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd. Noh bin Dalimin

Naib Canselor

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja

Batu Pahat

JOHOR.

No. Tel. : 07-453 7005

No. Faks. : 07-453 6010

YBhg. Datuk Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan

Naib Canselor

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hang Tuah Jaya

76100 Durian Tunggal

MELAKA

No. Tel. : 06-555 2008

No. Faks. : 06-331 6111

YBhg. Dato' Prof. Dr. Daing Mohd. Nasir bin Daing Ibrahim

Naib Canselor

Universiti Malaysia Pahang

Lebuhraya Tun Razak

26300 Gambang

Kuantan

PAHANG

No. Tel. : 09-549 2602 / 2002

No. Faks. : 09-549 2222 / 3189

YBhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin bin Hussin

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis

Tingkat 11, Bangunan KWSP

Jalan Bukit Lagi

01000 Kangar

PERLIS

No. Tel. : 04-979 8000

No. Faks. : 04-977 8011 / 04-977 8422

YBhg. Dato' Prof. Dr. Alias bin Daud

Naib Canselor

Universiti Sultan Zainal Abidin

Kampus Kota

Jalan Sultan Mahmud

20400 Kuala Terengganu

TERENGGANU

No. Tel. : 09-627 5506

No. Faks. : 09-622 1707

YBhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose

Naib Canselor

Universiti Malaysia Kelantan

Karung Berkunci 36

16100 Pengkalan Chepa

Kota Bharu

KELANTAN

No. Tel. : 09-771 7007

No. Faks. : 09-771 7006

YBhg. Leftenan Jeneral Dato' Wira Allatif bin Mohamed Noor

Naib Canselor

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Kem Sungai Besi

57000 KUALA LUMPUR

No. Tel. : 03-9051 3457

No. Faks. : 03-9057 4361

Presiden & Naib Canselor

Taylor's University (Universiti Taylor's)

Taylor's Lakeside Campus

No. 1, Jalan Taylor's, Subang Jaya

47500, SELANGOR

No. Tel : 03-5636 2641/03-5637 1150

No. Faks : 03-5634 5209

Presiden

Universiti Perubatan Antarabangsa (International Medical University)
(IMU)

No. 126, Jalan Jalil Perkasa 19

Bukit Jalil

57000, KUALA LUMPUR

No. Tel : 03-8656 7228 /03-8656 6229

No. Faks : 03-8656 7232

Naib Canselor

Kolej Universiti SEGi

No. 9, Jalan Teknologi, Taman Sains Selangor

Kota Damansara PJU 5, Petaling Jaya

47810, SELANGOR

No. Tel : 03-6145 1777

No. Faks : 03-6145 2616

Presiden

Monash University Malaysia (MUSM)

Jalan Lagoon Selatan

Bandar Sunway

46150, SELANGOR

No. Tel : 03-5636 0600

No. Faks : 03-5636 0622

Ketua Eksekutif

Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kampus Putrajaya

KM 7, Jalan Kajang-Puchong

Kajang

43009 SELANGOR

No. Tel : 03-8926 3990

No. Faks : 0389263507 / 03-8926 3504

Presiden & Naib Canselor

Universiti Terbuka Malaysia (UNITEM) (Open University Malaysia)
(OUM)

Blok B, Jalan Tun Ismail

KUALA LUMPUR

50480, KUALA LUMPUR

No. Tel : 03-2773 2010

No. Faks : 03-2697 8820

Presiden & Naib Canselor

Universiti Tun Abdul Razak

Capital Square, Block C & D

No. 8, Jalan Munshi Abdullah

50100 Kuala Lumpur

No. Tel : 03-7627 7000

No. Faks : 03-7627 7177

**KEPUTUSAN DASAR YANG DIPUTUSKAN MELALUI MESYUARAT KAJIAN SEMULA DASAR-DASAR
BERKAITAN JAMINAN KUALITI DIANTARA PIHAK KPT DAN MQA
BIL. 1/2011 – BIL. 3/2011**

BIL	PERKARA	DASAR / PROSEDUR
1.	Sistem Semester	<p>Sistem semester pengajian tinggi adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. 1 tahun pengajian = maksimum 43 minggu 2. Maksimum bilangan sesi / semester bagi satu tahun pengajian adalah 3 sesi/semester. 3. Beban pembelajaran pelajar bagi satu tahun pengajian adalah maksimum sebanyak 50 kredit. 4. Jumlah kredit maksimum bagi satu semester adalah 20 kredit*. 5. Sesi pengambilan pelajar adalah berdasarkan kepada bilangan sesi/semester yang ditawarkan dalam satu tahun pengajian. 6. Tempoh minimum program adalah berdasarkan dasar KPT. Sekiranya tiada dasar yang ditetapkan bagi suatu kelayakan, maka tempoh minimum program ditetapkan berpandukan jam pembelajaran pelajar (<i>student learning time, SLT</i>). <p>* Nota:</p> <p>Program peringkat <i>foundation</i> dan ijazah sarjana dikecualikan daripada ketetapan 20 kredit maksimum bagi setiap semester.</p>
2.	Kelayakan akademik yang tidak mematuhi syarat kelayakan masuk	<p>Kelayakan akademik yang diperolehi menggunakan kelayakan yang tidak mematuhi syarat kemasukan adalah tidak boleh dipertimbangkan untuk digunakan bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.</p> <p><u>Contoh:</u></p> <p>Pelajar yang gagal SPM atau lulus SPM tetapi tanpa sebarang kredit yang telah diterima mengikuti program Sijil Pengajian Perniagaan (tahap 3 KKM) tidak boleh menggunakan kelayakan Sijil Pengajian Perniagaan tersebut untuk mengikuti program di peringkat diploma kerana kelayakan masuk minimum untuk mengikuti program peringkat sijil adalah lulus SPM dengan mendapat sekurang-kurangnya 1 kredit.</p>

BIL	PERKARA	DASAR / PROSEDUR			
3.	Sah laku dan gabungan keputusan SPM bagi memenuhi syarat kelayakan masuk program pengajian	<p>Syarat-syarat yang berkaitan dengan sah laku dan penggabungan keputusan SPM adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Tiada tempoh sah laku bagi sekali ambilan peperiksaan penuh SPM dan boleh digunakan seumur hidup. ii. Penggabungan dua atau lebih keputusan SPM adalah dibenarkan bagi peperiksaan SPM sijil terbuka iaitu bermula tahun 2000 dan tiada had masa ditetapkan bagi penggabungan keputusan ini. iii. Penggabungan keputusan SPM tidak dibenarkan bagi peperiksaan SPM sijil tertutup kecuali keputusan SPM sijil penuh digabung dengan keputusan SPM Julai atau SPM ulangan sahaja. 			
4.	Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Sijil Kolej Komuniti (2 tahun, 60 kredit) sebagai kelayakan masuk ke program akademik peringkat sijil (Tahap 3 KKM) dan diploma (Tahap 4 KKM)	<p>1. Sijil Kolej Komuniti yang tempoh pengajian program tersebut adalah dua tahun dengan jumlah minimum kredit bergraduat sebanyak 60 kredit serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 adalah dibenarkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat diploma tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya satu kepujian; ii. Menyambung pengajian Diploma dalam bidang yang sama; iii. Sekiranya perlu, IPT perlu menyediakan program <i>bridging</i> sebagai program pengukuhan bagi pelajar yang beralih dari sektor kemahiran/teknikal kepada sektor akademik. <p>2. SKM tahap 2 boleh digunakan sebagai kelayakan masuk ke program sijil akademik (Tahap 3 KKM) di IPTS dengan syarat pelajar tersebut lulus SPM.</p>			
5.	<i>Unified Examination Certificate</i> (UEC) Senior Middle Three (SM3) sebagai kelayakan masuk ke program pengajian	<p>Syarat kelayakan masuk minimum menggunakan kelayakan UEC Senior Middle Three (SM3) (mengikut peringkat pengajian) adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <table border="1" data-bbox="619 1980 1441 2051"> <tr> <td>Sijil</td> <td>:</td> <td>1 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B</td> </tr> </table> 	Sijil	:	1 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B
Sijil	:	1 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B			

BIL	PERKARA	DASAR / PROSEDUR										
	tinggi di IPTS	ii. iii. iv. i. ii. iii. iv. v.	<table border="1"> <tr> <td data-bbox="614 259 879 331">Diploma</td> <td data-bbox="879 259 911 331">:</td> <td data-bbox="911 259 1455 331">3 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B</td> </tr> <tr> <td data-bbox="614 331 879 405">Foundation</td> <td data-bbox="879 331 911 405">:</td> <td data-bbox="911 331 1455 405">3 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B</td> </tr> <tr> <td data-bbox="614 405 879 479">Ijazah Sarjana Muda</td> <td data-bbox="879 405 911 479">:</td> <td data-bbox="911 405 1455 479">5 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B</td> </tr> </table>	Diploma	:	3 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B	Foundation	:	3 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B	Ijazah Sarjana Muda	:	5 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B
Diploma	:	3 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B										
Foundation	:	3 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B										
Ijazah Sarjana Muda	:	5 mata pelajaran dengan sekurang-kurangnya Gred B										
6.	Pindah Kredit	<p>1. Pindah kredit boleh dilakukan dalam dua kategori seperti berikut:</p> <p>i. <i>Vertical</i> - pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi.</p> <p>ii. <i>Horizontal</i> - pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama seperti daripada sijil ke sijil/diploma ke diploma/ijazah sarjana muda ke ijazah sarjana muda.</p> <p>2. Pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan mata pelajaran (<i>subject to subject mapping</i>). Syarat umum pindah kredit adalah seperti berikut:</p> <p>i. Gred lulus - gred minimum iaitu gred C;</p> <p>ii. Nilai kredit - sama dengan kurikulum kursus di IPT penerima;</p> <p>iii. Kesetaraan kurikulum kursus - tidak kurang 80%; dan</p> <p>iv. Mata pelajaran yang boleh dipindahkan kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Perakuan Akreditasi.</p> <p>3. Dasar pemindahan kredit secara <i>vertical</i> berdasarkan situasi adalah seperti berikut:</p> <p>a. Pemindahan kredit daripada sijil ke diploma Pemindahan kredit tidak dibenarkan.</p> <p>b. Pemindahan kredit daripada diploma kepada ijazah sarjana muda Pindah kredit dibenarkan sehingga maksimum 30% (lebih kurang 1 tahun pengajian) daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.</p>										

BIL	PERKARA	DASAR / PROSEDUR
		<p>c. Pemindahan kredit daripada <i>advanced diploma</i> ke ijazah sarjana muda</p> <p>d. Pelajar yang berkelayakan <i>advanced diploma</i> (yang turut memiliki Diploma) boleh dipertimbangkan pemindahan kredit sehingga maksimum dua tahun pengajian program peringkat ijazah sarjana muda (pelajar akan mengikuti tahun ketiga program ijazah sarjana muda).</p> <p>e. Pemindahan kredit daripada kelayakan yang lebih tinggi (contoh ijazah sarjana muda) ke program di peringkat yang lebih rendah (contoh diploma) Pemindahan kredit tidak dibenarkan.</p> <p>4. Dasar pemindahan kredit secara <i>horizontal</i> berdasarkan situasi adalah seperti berikut:</p> <p>a. Pelajar telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran kali kedua dalam peringkat yang sama dengan kelayakan yang dimiliki. Pemindahan kredit tidak dibenarkan.</p> <p>b. Pelajar sedang mengikuti program dan ingin menukar program lain dalam bidang yang sama dengan program yang sedang diikuti. Pemindahan kredit dibenarkan.</p> <p>Sekiranya program tersebut diambil di IPT yang sama, tiada had pemindahan kredit tertakluk kepada syarat pindah kredit.</p> <p>Sekiranya program yang ingin diikuti di IPT yang berbeza, pemindahan kredit tertakluk kepada syarat permastautin pelajar* (<i>residential year</i>).</p> <p>c. Pelajar gagal program dan ingin melanjutkan pengajian dalam program yang lain di peringkat yang sama Pemindahan kredit (termasuk MPW) tidak dibenarkan.</p>

BIL	PERKARA	DASAR / PROSEDUR
		<p>d. Pelajar berhenti belajar daripada pengajian dan kemudiannya ingin menyambung semula pengajian tetapi di dalam program lain di peringkat yang sama. Pemindahan kredit boleh dipertimbangkan.</p> <p>Sekiranya program tersebut diambil di IPT yang sama, tiada had pemindahan kredit tertakluk kepada syarat pindah kredit.</p> <p>Sekiranya program yang ingin diikuti di IPT yang berbeza, pemindahan kredit tertakluk kepada syarat permastautin pelajar* (<i>residential year</i>).</p> <p>Sebagai panduan, lazimnya <i>currency of knowledge</i> bagi sesuatu program adalah sekitar 5 tahun.</p> <p>e. Pelajar sedang mengikuti suatu program dan dalam masa yang sama mengambil beberapa mata pelajaran di IPT yang lain (contoh program mobiliti atau program pertukaran pelajar) Pemindahan kredit adalah dibenarkan namun ianya tidak melebihi 30% daripada jumlah kredit program pengajian yang sedang diikuti dan ianya adalah berdasarkan persetujuan antara kedua-dua IPT.</p> <p>5. *Tempoh permastautin di institusi yang menganugerahkan kelayakan mengikut peringkat adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Ijazah Sarjana Muda : 1 tahun ii. Diploma dan Sijil : 1 semester
7.	Pengecualian mata pelajaran	<p>Berikut adalah beberapa ketetapan berkenaan pengecualian mata pelajaran.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pengecualian mata pelajaran tidak akan menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi mata pelajaran yang dikecualikan. ii. Sekiranya pengecualian mata pelajaran itu akan menyebabkan keperluan kredit bergraduat tidak mencukupi, maka pelajar perlu mengambil mata pelajaran lain bagi menggantikan mata pelajaran tersebut.

BIL	PERKARA	DASAR / PROSEDUR
		<p>iii. Pelajar yang lulus MPW di peringkat sijil tidak boleh mengambil semula mata pelajaran tersebut di peringkat diploma.</p> <p>iv. Walau bagaimanapun, bagi pelajar yang telah lulus MPW di peringkat sijil/diploma boleh mengambil MPW di peringkat ijazah sarjana muda.</p> <p>v. Pelajar antabangsa dikecualikan daripada mengambil MPW, namun diberi pilihan untuk mengambil MPW sekiranya berminat.</p>
8.	Beban pembelajaran pelajar separuh masa	Beban pembelajaran pelajar separuh masa adalah separuh daripada beban pembelajaran pelajar sepenuh masa.
9.	<i>Joint Award</i>	<p>Penganugerahan bersama (<i>joint award</i>) antara IPT dibenarkan dengan syarat-syarat berikut:</p> <p>i. Pemilikan/ pembangunan kurikulum mestilah di antara institusi yang bekerjasama.</p> <p>ii. Skrol program <i>joint award</i> mesti ditandatangani oleh institusi yang bekerjasama sebagai tanda pemilikan kelayakan dan tanggungjawab kualiti;</p> <p>iii. Penawaran <i>joint award</i> hanya dibenarkan untuk program peringkat ijazah sarjana muda dan peringkat yang lebih tinggi.</p> <p>iv. <i>Joint award</i> hanya dibenarkan ke atas institusi yang boleh menganugerahkan kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda (<i>degree granting institute</i>) yang setanding (<i>equal standing institute</i>);</p> <p>v. Institusi yang bekerjasama perlulah mempunyai staf akademik yang berkelayakan, berpengalaman serta profesionalisme yang setanding antara satu sama lain;</p> <p>vi. PPT yang terlibat dalam program <i>joint award</i> hendaklah mempunyai sistem jaminan kualiti dalaman yang mantap; dan</p>

BIL	PERKARA	DASAR / PROSEDUR																																				
		vii. Program <i>joint award</i> tersebut perlu mencapai akreditasi / memenuhi tahap jaminan kualiti yang baik di institusi masing-masing.																																				
10.	Tempoh Pengajian	<table border="1"> <thead> <tr> <th>PERINGKAT</th> <th>JUMLAH KREDIT MINIMUM</th> <th>TEMPOH PENGAJIAN MINIMUM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ijazah Kedoktoran</td> <td>Tiada kredit bergraduasi</td> <td>2 tahun</td> </tr> <tr> <td>Ijazah Sarjana (Struktur A)</td> <td>Tiada kredit bergraduasi</td> <td>1 tahun</td> </tr> <tr> <td>Ijazah Sarjana (B) dan (C)</td> <td>40</td> <td>1 tahun</td> </tr> <tr> <td>Diploma Pascasiswazah</td> <td>30</td> <td>1 ½ semester* (1 semester panjang 1 semester pendek)</td> </tr> <tr> <td>Sijil Pascasiswazah</td> <td>20</td> <td>1 semester* panjang</td> </tr> <tr> <td>Ijazah Sarjana Muda</td> <td>120</td> <td>3 tahun</td> </tr> <tr> <td>Diploma Siswazah</td> <td>60</td> <td>1 ¼ tahun (3 semester* panjang)</td> </tr> <tr> <td>Sijil Siswazah</td> <td>30</td> <td>1 ½ semester* (1 semester panjang 1 semester pendek)</td> </tr> <tr> <td>Diploma Lanjutan</td> <td>40</td> <td>2 semester* panjang</td> </tr> <tr> <td>Diploma Sijil</td> <td>90 60</td> <td>2 tahun 1 ¼ tahun (3 semester* panjang)</td> </tr> <tr> <td>Sijil Kemahiran</td> <td>Mengikut kemahiran dan tahap</td> <td>Berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh agensi/ badan berkaitan</td> </tr> </tbody> </table> <p>* Pengiraan tempoh minimum adalah berasaskan kepada: 1 semester panjang = 17 minggu 1 semester pendek = 9 minggu</p> <p>Tempoh minimum program mungkin berubah sekiranya IPT menggunakan sistem semester selain daripada yang dinyatakan di</p>	PERINGKAT	JUMLAH KREDIT MINIMUM	TEMPOH PENGAJIAN MINIMUM	Ijazah Kedoktoran	Tiada kredit bergraduasi	2 tahun	Ijazah Sarjana (Struktur A)	Tiada kredit bergraduasi	1 tahun	Ijazah Sarjana (B) dan (C)	40	1 tahun	Diploma Pascasiswazah	30	1 ½ semester* (1 semester panjang 1 semester pendek)	Sijil Pascasiswazah	20	1 semester* panjang	Ijazah Sarjana Muda	120	3 tahun	Diploma Siswazah	60	1 ¼ tahun (3 semester* panjang)	Sijil Siswazah	30	1 ½ semester* (1 semester panjang 1 semester pendek)	Diploma Lanjutan	40	2 semester* panjang	Diploma Sijil	90 60	2 tahun 1 ¼ tahun (3 semester* panjang)	Sijil Kemahiran	Mengikut kemahiran dan tahap	Berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh agensi/ badan berkaitan
PERINGKAT	JUMLAH KREDIT MINIMUM	TEMPOH PENGAJIAN MINIMUM																																				
Ijazah Kedoktoran	Tiada kredit bergraduasi	2 tahun																																				
Ijazah Sarjana (Struktur A)	Tiada kredit bergraduasi	1 tahun																																				
Ijazah Sarjana (B) dan (C)	40	1 tahun																																				
Diploma Pascasiswazah	30	1 ½ semester* (1 semester panjang 1 semester pendek)																																				
Sijil Pascasiswazah	20	1 semester* panjang																																				
Ijazah Sarjana Muda	120	3 tahun																																				
Diploma Siswazah	60	1 ¼ tahun (3 semester* panjang)																																				
Sijil Siswazah	30	1 ½ semester* (1 semester panjang 1 semester pendek)																																				
Diploma Lanjutan	40	2 semester* panjang																																				
Diploma Sijil	90 60	2 tahun 1 ¼ tahun (3 semester* panjang)																																				
Sijil Kemahiran	Mengikut kemahiran dan tahap	Berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh agensi/ badan berkaitan																																				

BIL	PERKARA	DASAR / PROSEDUR
		<p>atas. Dalam kes ini, tempoh minimum hendaklah ditentukan berdasarkan pengiraan SLT.</p> <p>Nota: Kredit bagi program profesional adalah tertakluk kepada keperluan badan profesional yang berkenaan. Oleh itu, tempoh pengajian program profesional juga mungkin berbeza selaras dengan nilai kredit program tersebut.</p>
11.	<p>Penawaran Program Oleh Universiti / Kolej Universiti</p>	<p>i. Kolej universiti hanya dibenarkan untuk menawarkan program peringkat <i>foundation</i>, diploma hingga ijazah kedoktoran.</p> <p>ii. Kolej universiti hanya dibenarkan menjalankan 20% program luaran secara kerjasama dengan IPTL. Tempoh yang diberikan bagi penawaran program sebegini adalah selama 5 tahun sahaja bagi proses <i>phase out</i>.</p> <p>iii. Universiti mesti menawarkan 100% program dalaman / sendiri bagi peringkat sarjana muda hingga doktor falsafah.</p>
12.	<p>American Degree Transfer Program (ADTP)</p>	<p>Pelajar lepasan ADTP yang tidak dapat menyambung pengajian ke US boleh memohon melanjutkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda di IPT dalam negara dengan syarat-syarat seperti berikut:</p> <p>i. Pelajar perlu tamat dan lulus program 2 tahun ADTP dengan lulus sekurang-kurangnya CGPA 2.0;</p> <p>ii. Pelajar ini boleh menyambung pengajian di dalam negara dengan mengikuti program kerjasama dengan US (4+0) dan pindah kredit secara <i>horizontal</i> bagi kursus-kursus yang bersesuaian adalah dibenarkan; atau</p> <p>iii. Sekiranya pelajar menyambung pengajian di dalam negara dengan mengikuti program ijazah sarjana muda yang bukan kerjasama dengan universiti US, maka pindah kredit tidak dibenarkan. Oleh itu, pelajar perlu mula program sebagai program baru.</p> <p>iv. Hanya pelajar yang telah mendapat kebenaran bertulis daripada</p>

BIL	PERKARA	DASAR / PROSEDUR
		<p>MQA / KPT sahaja yang boleh dipertimbangkan untuk menyambung pengajian peringkat ijazah sarjana muda di IPT dalam negara.</p> <p>Bagi pelajar yang tidak menghabiskan program ADTP selama 2 tahun, maka pelajar diberi pilihan untuk mengikuti pengajian di peringkat <i>foundation</i> atau diploma.</p> <p>Pihak IPT tidak boleh meminda kelayakan masuk sedia ada ke program ijazah sarjana muda dengan menambah kelayakan masuk lepasan ADTP 2 tahun.</p>
		<p>Bagi permohonan penajaan/pinjaman PTPTN, pelajar sendiri perlu membuat permohonan bertulis kepada KPT agar boleh dipertimbangkan dalam urusan penajaan/pinjaman PTPTN.</p>
13.	<p>Syarat kelayakan masuk ke program tahap diploma bagi bidang sains kesihatan</p>	<p>Syarat kelayakan masuk ke program peringkat diploma bidang sains kesihatan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Bagi pelajar aliran sains: Lulus SPM atau kelayakan yang setaraf dengan mendapat 3 kredit dalam mana-mana mata pelajaran serta lulus sekurang-kurangnya dua mata pelajaran sains (Biologi/Fizik/Kimia/Sains Am/Sains Gunaan/Sains Kesihatan). ii. Pelajar bukan aliran sains: Lulus SPM atau kelayakan yang setaraf dengan mendapat 3 kredit dengan sekurang-kurangnya satu kredit dalam mata pelajaran sains (Biologi/Fizik/Kimia/Sains Am/Sains Gunaan/Sains Kesihatan). <p>Nota: Syarat kelayakan masuk di atas hanya terpakai sehingga penangguhan terhadap pemakaian syarat-syarat kelayakan masuk ke program diploma sains kesihatan (kecuali Diploma Kejururawatan) seperti yang dinyatakan di dalam Standard Program Bagi Bidang Sains Perubatan dan Kesihatan ditarik balik.</p>
14.	<p>Kelayakan peperiksaan <i>Part II</i> dan <i>Part III Engineering Council Examination</i></p>	<p>Peperiksaan <i>Part II</i> dan <i>Part III Engineering Council Examination</i> boleh diterima sebagai kelayakan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Kejuruteraan dengan syarat permohonan adalah dilakukan oleh pemilik kelayakan itu sendiri. Walau bagaimanapun, keputusan akhir dalam menerima kelayakan ini</p>

BIL	PERKARA	DASAR / PROSEDUR
		<p>adalah tertakluk kepada keputusan dan persetujuan Senat Universiti.</p> <p>Selain itu, lepasan kelayakan Ijazah Sarjana Kejuruteraan yang menggunakan keputusan peperiksaan Part II dan Part III <i>Engineering Council Examination</i> sebagai kelayakan masuk adalah layak untuk menjadi tenaga pengajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan.</p> <p>Walau bagaimanapun, keputusan akhir dalam menerima kelayakan ini adalah tertakluk kepada keputusan dan persetujuan Senat Universiti.</p>
15.	<p>Akreditasi Program Yang Terlibat Di Dalam Program Mobiliti</p>	<p>Program pengajian yang terlibat dalam <i>Program Mobiliti</i> hendaklah memenuhi ketetapan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Transkrip pelajar hendaklah menyatakan kursus yang melibatkan pindahan kredit daripada IPT di luar Negara; ii) Program yang disertai oleh pelajar telah diiktiraf atau mendapat Akreditasi di Negara yang berkenaan; dan iii) Silibus, struktur dan cara pemindahan kredit bagi satu-satu program akademik yang ditawarkan telah diselaraskan di antara IPT yang berkaitan. <p><u>Nota:</u> Program mobiliti yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah merujuk kepada program yang melibatkan IPTA dengan universiti di Indonesia dan Thailand. Walau bagaimanapun perkara ini boleh diperluaskan kepada program-program mobiliti lain.</p>